

TEKNIK DELPHI MODIFIKASI TIGA PUSINGAN BAGI PEMBANGUNAN POLA AMALAN GURU DALAM MELAKSANAKAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID ORANG ASLI

*Modified three-round delphi technique for the development of teacher practice patterns in
implementing reading skills among orang asli students*

Ahmad Syafiq Mat Arisah^{1*}, Mohd Rashid Md Idris²

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia^{1&2}

syafiqarisah90@gmail.com^{*1}, rashid@fbk.upsi.edu.my

*Corresponding Author

Diterima: 28 Februari 2025; **Disemak semula:** 15 Mei 2025; **Diterima:** 11 Jun 2025; **Diterbitkan:** 29 Julai 2025

To cite this article (APA): Abdul, M. A., Harun, F. 'Ain, Mohamad, I., & Sabri, M. F. (2025). Pembelajaran Seni Halus di TADIK: Pengetahuan & Amalan Guru di TADIK. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 51-63. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.5.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan pola amalan guru Bahasa Melayu (BM) dalam melaksanakan kemahiran membaca murid Orang Asli (OA). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan berpandukan Teori Falsafah Bahasa (TFB). Kajian dijalankan dalam dua peringkat yang melibatkan tiga pakar profesional dan sepuluh pakar awam. Maklum balas daripada pakar profesional dianalisis menggunakan Analisis *Content Validity Ratio* (CVR) model Lawshe (1975) dengan nilai diterima >0.78, manakala maklum balas pakar awam dianalisis menggunakan Analisis Statistik (Min, Median, dan Julat Antara Kuartil - JAK). Interpretasi data dilakukan berdasarkan pandangan dan suntingan pakar awam menggunakan teknik Delphi. Pusingan Delphi ditamatkan apabila mencapai kesepakatan dengan nilai JAK 0.00-1.00. Kajian ini berjaya membangunkan lima pola amalan guru dalam melaksanakan kemahiran membaca murid OA berdasarkan kepada falsafah bahasa. Pola-pola ini dibentuk berdasarkan penemuan empirikal yang disokong oleh analisis teori, model, dan kajian literatur. Sumbangan utama kajian ini adalah penghasilan instrumen yang boleh dirujuk dan dinilai untuk mengenal pasti pola amalan dominan yang dilaksanakan oleh guru dalam melaksana kemahiran membaca murid OA. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan praktikal bagi guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid OA.

Kata kunci: Teori Falsafah Bahasa, Orang Asli, membaca

ABSTRACT

This study aims to develop a framework for Malay language (BM) teachers' pedagogical practices in enhancing reading skills among Orang Asli (OA) students. Employing a quantitative approach guided by the Teori Falsafah Bahasa (TFB), the research unfolds in two phases, involving three professional experts and ten lay experts. Feedback from professional experts is assessed using Lawshe's (1975) Content Validity Ratio (CVR) analysis, with an acceptance threshold of >0.78. Meanwhile, input from lay experts is analyzed through statistical methods, including mean, median, and interquartile range (IQR). Data interpretation is conducted through expert reviews and revisions using the Delphi technique, with the iteration process concluding upon consensus, defined by an IQR range of 0.00–1.00. Through rigorous empirical analysis supported by theoretical models and literature

reviews, the study successfully identifies five key pedagogical patterns that underpin the implementation of reading skills among OA students within a linguistic philosophy framework. The primary contribution of this research lies in the development of an evaluative instrument designed to assess and identify dominant instructional patterns among teachers. The findings offer practical guidance for educators, aiming to enhance the effectiveness of reading instruction for OA students.

Keyword: Teori Falsafah Bahasa, Orang Asli, reading

PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli (OA) menghadapi pelbagai cabaran seperti kemiskinan, diskriminasi, dan kurang akses kepada perkhidmatan sosial, yang turut mempengaruhi pencapaian pendidikan. Statistik menunjukkan majoriti murid OA memperoleh gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2018 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Keciciran murid OA juga tinggi, dengan purata 20.67% tidak menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan 5 antara tahun 2013 hingga 2019 (MAMPU, 2021). Faktor luaran seperti kemudahan sekolah dan jarak, serta faktor dalaman seperti kurang keyakinan diri, menyumbang kepada masalah ini (Norwaliza Abdul Wahab et al., 2017; Norizan Mamat et al., 2018).

Penguasaan kemahiran asas bahasa dalam kalangan murid OA masih lemah walaupun terdapat bantuan kerajaan. Pengajaran bahasa yang hanya menekankan tatabahasa dan kosa kata tidak mencukupi untuk membantu murid memahami bahasa secara mendalam (Awang Sariyan, 2021; Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2017). Pengintegrasian aspek budaya, nilai, dan tradisi dalam pengajaran bahasa adalah perlu untuk meningkatkan minat dan pemahaman murid (Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli et al., 2019; Yuldashbayevna, 2020). Kurikulum yang mesra budaya OA dapat meningkatkan literasi dan hasil pendidikan (Norwaliza Abdul Wahab & Nordina Alia Nordin, 2021; Mohd Nazri Abdul Rahman, 2018).

Guru memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah keciciran dan meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid OA. Pengajaran yang berasaskan nilai kemanusiaan dan kesempurnaan bahasa perlu diterapkan untuk membina interaksi yang positif (Mohd Rashid Md Idris, 2012; Zamri Mahamod, 2016). Interaksi positif guru dengan kanak-kanak dan cara guru menguruskan interaksi interpersonal dalam bilik darjah mempengaruhi perkembangan sosial, emosi dan akademik kanak-kanak untuk jangka panjang (Zaharah Osman, Anis Norma Mohamad Jaafar & Romarzila Omar, 2022). Hal ini kerana murid-murid OA turut mengalami masalah psikologi seperti trauma dan stres (Nor Aimi Harun & Fauziah Md. Jaafar, 2018). Masalah psikologi merupakan faktor bersifat dalaman yang merupakan punca masalah keciciran (Norizan Mamat et al., 2018). Amalan pengajaran bahasa Melayu perlu seimbang antara aspek pragmatis, falsafah, dan teknikal untuk memastikan murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran (Layang Ugek & Jamaludin Badusah, 2018; Nur Bakri Abd Hamid & Naufal Ahmad Rijalul Alam, 2022).

Pemahaman guru yang mendalam tentang profil kecerdasan murid dapat membantu dalam pemilihan strategi pengajaran yang sesuai, memenuhi keperluan kognitif serta minat murid dan memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dan bermakna (Norliza Ahmad & Zaharah Osman, 2025). Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan amalan dan pendekatan dalam menyediakan murid kepada matlamat pendidikan khususnya dalam kemahiran membaca. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru

mempunyai impak positif terhadap pendidikan murid OA (Badli Esham Ahmad et al., 2022; Mohd Mahzan Awang et al., 2022). Pembangunan pola amalan guru Bahasa Melayu yang efektif adalah penting untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid OA. Pendekatan pengajaran yang holistik dan mesra budaya diperlukan untuk memastikan keberkesanan pembelajaran bahasa dalam kalangan murid OA (Intan Waheedah Othman, 2022; Aini Salwati Mohd Yusof & Shahlan Surat, 2021).

Kajian ini bertujuan menganalisis pandangan pakar bagi membangunkan pola amalan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran membaca murid OA. Kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti amalan yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid OA. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menghasilkan instrumen yang boleh dirujuk dan dinilai dalam konteks pengajaran kemahiran membaca murid OA.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa tinjauan literatur berkaitan kedudukan guru dalam melaksana kemahiran membaca murid OA dapat diringkaskan melalui Jadual 1. Dapatan-dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1:

Dapatan kajian yang menunjukkan kedudukan dan peranan guru dalam kemahiran membaca murid OA

Penulis	Kaedah	Dapatan
(Misnaton Rabahi et al., 2020)	Temu bual 16 orang murid Pra-U yang menguasai pembelajaran.	Faktor yang mempengaruhi pembelajaran OA adalah ibu bapa, diri sendiri, guru pra sekolah dan guru sekolah rendah.
(Ruslan Abdullah, 2018)	Soalan soal selidik melibatkan 84 orang guru dan temu bual berfokus melibatkan 18 orang guru. Semua responden adalah Guru berkaitan LINUS.	Masalah pelaksanaan LINUS adalah disebabkan faktor seperti bahan modul, latar belakang murid, sosioekonomi keluarga, persekitaran pembelajaran serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru.
(Aini Salwati Mohd Yusof & Shahlan Surat, 2021)	Kajian kuantitatif melalui kaedah pengedaran borang soal selidik. Sampel kajian adalah 110 orang guru mengajar di sekolah yang mempunyai ramai murid OA.	Amalan utama mempengaruhi tingkah laku murid OA dalam pembelajaran ialah amalan penggunaan media digital yang merangkumi pengetahuan guru dan tahap amalan guru.
(Hamidah Yusof & Norasibah Abdul Jalil, 2021)	Soal selidik tentang persepsi guru. Responden merupakan 113 guru daripada 15 sekolah OA.	Rangsangan motivasi murid OA dipengaruhi oleh iklim sekolah, kepimpinan instruksional, kepimpinan guru, tingkah laku guru dan komitmen ibu bapa.

bersambung

(Nurul Islam Mohd Isa & Zulkefli Aini, 2018)	Kaedah kajian tinjauan literatur.	Faktor kepada permasalahan kehadiran adalah kerana kurang persekitaran pembelajaran yang kondusif, kurang pemahaman dan kemahiran guru dalam menangani cabaran pembelajaran murid OA.
(Ong, E. et al., 2018)	Tujuh murid OA yang berjaya ditemu bual untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik.	Antara faktor menyumbang kepada kecemerlangan akademik adalah berdasarkan pola keluarga, pola kawan-kawan, pola sekolah dan guru, pola komuniti dan pola kerajaan.
(Noor Hanim Harun et al., 2020)	Temu bual 5 orang pensyarah bidang OA, pensyarah bidang prasekolah, pensyarah bidang pendidikan awal kanak-kanak dan aktivis OA.	Pengurusan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kreativiti OA yang diaplikasi oleh guru bagi meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah OA adalah berdasarkan: (1) Keupayaan guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran (2) Peranan guru sebagai pembimbing dan pendorong (3) Kemahiran guru sebagai pengawal dan pengelola.
(Mohamad Safwat Ashahri Mohd Salim et al., 2020)	Empat orang guru OA di negeri Perak telah ditemu bual secara individu untuk mengumpul data kualitatif berkenaan keadaan semasa murid OA dalam pendidikan formal.	Dapatan kajian menghasilkan empat pola iaitu: (1) Sikap OA terhadap pembelajaran (2) Peranan ibu bapa dan guru OA (3) Hubungan pendidikan tidak formal OA (4) Urbanisasi dan kesannya terhadap pendidikan formal OA.
(Intan Waheedah Othman, 2022)	Kertas kerja ini mengkaji kajian lepas mengenai pendidikan OA untuk menentukan bagaimana murid OA dipengaruhi oleh kurikulum pendidikan arus perdana.	Guru perlu menyesuaikan gaya pengajaran dengan keperluan murid OA untuk meningkatkan hasil pembelajaran.
(Rohaida Nordin et al., 2020)	Kajian Tinjauan Literatur.	Antara masalah yang dihadapi oleh OA adalah kekurangan guru terlatih, kekurangan dana dan kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru berkaitan budaya dan tradisi OA.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua pendekatan utama: tinjauan literatur dan Teknik Delphi. Teknik Delphi dipilih kerana membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan pakar yang bermakna dalam menyelesaikan permasalahan kompleks (Hsu & Sandford, 2007; Saedah Siraj et al., 2013). Proses Delphi melibatkan beberapa pusingan untuk mencapai kesepakatan dalam kalangan panel pakar (Stylianides & Pashiardis, 2007; Skulmoski et al., 2007).

Peringkat Pertama: Pembangunan Item Awal (Pusingan Pertama Delphi)

Peringkat ini melibatkan tinjauan literatur dan pengalaman peribadi pengkaji sebagai guru di kawasan OA. Item-item awal dibangunkan melalui pengekodan istilah penting daripada literatur (Babbie, 2016). Senarai item ini kemudian dinilai oleh tiga pakar profesional dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu untuk penambahbaikan (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2021).

Peringkat Kedua: Penilaian Item (Pusingan Kedua Delphi)

Senarai item kemudiannya diedarkan kepada sepuluh pakar awam untuk dinilai. Pakar diberikan kebebasan untuk menambah, menghapus, atau memperbaiki item berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Maklum balas pakar digunakan untuk memperhalusi item-item tersebut.

(Pusingan Ketiga Delphi)

Pakar menerima senarai item yang telah dikemas kini dan diminta memberikan persetujuan terhadap setiap item. Jika kesepakatan tinggi dicapai, proses Delphi ditamatkan. Jika tidak, pusingan ketiga dijalankan untuk mencapai kesepakatan akhir (Manizade & Mason, 2010; Wallengren, 2011).

Panel pakar dipilih berdasarkan kriteria ketat, termasuk pengetahuan, pengalaman, dan komitmen dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dan OA. Seramai 13 pakar terlibat, terdiri daripada tiga pakar profesional (untuk pembangunan item) dan sepuluh pakar awam (untuk penilaian item). Bilangan pakar ini dianggap mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan kajian (Boonon, 1979).

Maklum balas pakar dianalisis menggunakan *Content Validity Ratio* (CVR) untuk pakar profesional (Lawshe Model) dan Analisis Statistik (Min, Median, Julat Antara Kuartil - JAK) untuk pakar awam. Kesepakatan tinggi dicapai jika nilai JAK berada dalam julat 0.00-1.00 (Stylianides & Pashiardis, 2007).

Proses Delphi yang teliti dan pemilihan pakar yang berkelayakan memastikan instrumen kajian yang dibangunkan adalah sahih, boleh dipercayai, dan relevan dengan konteks pendidikan murid OA (Hsu & Sandford, 2007; Saedah Siraj et al., 2013). Kajian ini menghasilkan pola amalan guru Bahasa Melayu yang efektif untuk meningkatkan kemahiran membaca murid OA.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangunkan pola amalan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran membaca bagi murid OA. Teknik Delphi dilakukan secara tiga pusingan. Pada peringkat pertama, *Content Validity Ratio* (CVR) digunakan untuk menilai kesahan kandungan item berdasarkan pandangan tiga pakar profesional. Nilai CVR yang melebihi 0.78 diterima sebagai kriteria kesahan, manakala item yang memperoleh nilai CVR lebih rendah ditolak. Sebanyak 20 item tidak diterima kerana memperoleh nilai CVR = 0.33, manakala 37 item diterima dengan nilai CVR = 1. Item-item yang diterima meliputi pola (1) penggunaan nahu bahasa yang betul, (2) penggunaan bahasa bermaklumat, dan (3) komunikasi secara empati. Ketiga-tiga pola tersebut merupakan elemen dalam TFB. Jadual 2 menunjukkan item yang dikekalkan berdasarkan kesahan pakar.

Jadual 2:

Senarai item yang mendapat kesahan pakar

Pola	Penggunaan nahu bahasa yang betul
	1. Menggunakan bahan pengajaran yang mempunyai struktur bahasa yang betul dengan memerhatikan penggunaan tatabahasa, struktur perkataan, pemilihan kata dan penggunaan tanda baca. 2. Pemilihan kata dan ayat yang ringkas, tepat dan sesuai dengan konteks komunikasi agar dapat difahami dengan jelas oleh murid. 3. Menggunakan gaya bahasa percakapan yang difahami bagi menghuraikan konsep atau teks pembelajaran. 4. Menggunakan laras dan intonasi bahasa yang sesuai dengan suasana dan situasi murid. 5. Mempunyai kesedaran tentang aras penguasaan bahasa murid.
Tema	Penggunaan bahasa yang bermaklumat daripada pelbagai sumber.
	1. Mengaplikasikan bahasa bukan verbal yang mendukung komunikasi, seperti kontak mata, ekspresi wajah yang tepat, dan gerakan tubuh yang bagi menambahkan keberkesanan bahasa. 2. Membina pengetahuan murid dengan pengetahuan sedia ada murid. 3. Meneroka pengalaman murid untuk membina hubungan, mendapatkan maklumat serta memperkaya penggunaan bahasa murid. 4. Menggunakan suara atau simbol yang jelas, mudah dan berstruktur dalam pengajaran membaca. 5. Menyatakan tujuan pembelajaran dengan jelas agar murid memahami tentang apa yang akan dicapai. 6. Menggunakan bahan bantu yang relevan dengan keperluan dan budaya untuk membina pemahaman murid. 7. Menyampaikan langkah dan arahan dengan tegas dan tersusun agar murid memiliki panduan dalam memberikan tindak balas. 8. Memberi penjelasan yang terperinci tentang sesuatu topik dengan pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza. 9. Meraikan gaya belajar murid yang pelbagai menggunakan pelbagai strategi pengajaran. 10. Mempelbagaikan bentuk pertanyaan bagi merangsang murid untuk berfikir secara kritis dan menyampaikan idea, perasaan atau maklumat. 11. Memberikan bantuan tambahan dan bantuan khusus kepada murid yang memerlukan penjelasan lebih lanjut. 12. Membiasakan teknologi untuk memperkaya pengalaman murid, akses terhadap sumber daya dan informasi tambahan. 13. Memberi tumpuan kepada aset budaya yang dibawa oleh murid ke bilik darjah. 14. Menjadikan pembelajaran kontekstual dengan menghubungkannya dengan latar belakang budaya dan pengalaman murid.

bersambung

15. Memperkuat identiti budaya murid dengan menghargai pengetahuan budaya yang dibawa oleh murid ke dalam kelas.
16. Memberikan kesempatan kepada murid berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat secara aktif melalui diskusi, pembentangan, atau kerja kumpulan.
17. Melakukan penilaian terhadap pemahaman murid melalui ujian, tugasan, atau pertanyaan responsif selama pembelajaran.
18. Peralihan pengajaran daripada abstrak kepada konkrit dengan menggunakan alat bantu.

Tema Berkomunikasi secara empati dan bertanggungjawab

1. Mendedahkan murid tentang amalan mulia dalam pengajaran berdasarkan nilai sosial dan kedudukan manusia.
 2. Menjadi model yang baik dalam menggunakan bahasa dengan santun dan sopan secara konsisten dengan prinsip-prinsip etika dan kesantunan.
 3. Menyampaikan ujaran dengan tenang dan terkawal agar bahasa dapat difahami.
 4. Bertanggungjawab terhadap bahasa yang dituturkan agar tidak mendatangkan konflik.
 5. Berbahasa dengan sopan dalam mengurus konflik.
 6. Sensitif terhadap perasaan, budaya dan pandangan murid.
 7. Membuat refleksi dan pembetulan terhadap kesalahan yang dibuat.
 8. Membangunkan jiwa dan perasaan murid dengan kata-kata hikmah, motivasi dan pujian.
 9. Gunakan humor dan kisah rakyat untuk menciptakan suasana yang menyenangkan dalam komunikasi.
 10. Menghuraikan perkara tabu menggunakan bahasa yang santun.
 11. Merahsiakan kelemahan dan aib murid daripada khalayak.
 12. Memberi peluang dan dorongan dalam mendidik murid.
-

Pada peringkat kedua, pusingan kedua Teknik Delphi dijalankan dengan melibatkan sepuluh pakar awam. Item yang telah disemak menggunakan skala Likert lima mata. Analisis statistik seperti Min, Median, dan Julat Antara Kuartil (JAK) digunakan untuk menentukan tahap konsensus. Keputusan menunjukkan bahawa nilai JAK dalam lingkungan 0.00 hingga 1.00 menandakan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar. Berdasarkan dapatan ini, dua pola baharu ditambah iaitu (1) Integrasi Budaya dan Bahasa, serta (2) Kaedah Berbahasa, manakala tiga pola asal disunting bagi meningkatkan kejelasan dan kesesuaian dalam konteks pengajaran murid OA. Semua item yang telah disunting menunjukkan tahap konsensus tinggi dengan nilai JAK = 0.00, menandakan kesepakatan kukuh dalam kalangan pakar.

Jadual 3:

Senarai pola suntingan dan pola baharu

Pola Asal	Pola Terkini
Pola 1: Penggunaan nahu bahasa yang betul	Tatabahasa atau struktur bahasa dalam amalan guru: bahasa mempunyai rumus yang perlu difahami bagaimana kata-kata disusun dalam ayat dan bagaimana makna diberikan melalui struktur bahasa. [pola suntingan]
Pola 2: Penggunaan bahasa yang bermaklumat daripada pelbagai sumber	Kandungan bahasa dalam amalan guru: kandungan dalam bahasa adalah informasi, maksud atau makna yang dibawa melalui kata, frasa, dan ayat. Melibatkan analisis makna literal dan konotatif, serta hubungan antara kata dan pemikiran. [pola suntingan]

bersambung

Pola 3: Berkomunikasi secara empati dan bertanggungjawab	Kemanusiaan dan bahasa dalam amalan guru: <i>dignity</i> , karamah insaniah atau martabat manusia mempertimbangkan norma-norma dan nilai-nilai yang terkait dengan penggunaan bahasa, melibatkan pertimbangan akal tentang sopan santun, kebijakan, dan sensitiviti terhadap konteks sosial. [pola suntungan]
	Integrasi budaya dan bahasa dalam amalan guru: Berkait dengan identiti budaya dan bagaimana bahasa digunakan bersesuaian dalam konteks budaya tertentu, mencakupi bahasa minoriti dan peranan bahasa dalam masyarakat. [pola baharu]
	Kaedah berbahasa dalam amalan guru: Menggunakan bahasa dengan kaedah yang sesuai dalam pengajaran, situasi atau aktiviti seperti kelantangan suara, menggunakan bahan bantu yang menyokong atau bahasa bukan verbal. [pola baharu]

Pusingan ketiga Teknik Delphi dilaksanakan pada peringkat kedua kajian. Item yang telah disunting dinilai semula oleh pakar bagi mencapai kesepakatan akhir. Semua item yang dinilai dalam pusingan ini memperoleh nilai JAK = 0.00, menandakan bahawa terdapat kesepakatan tinggi dalam kalangan pakar terhadap pola amalan guru yang dibangunkan. Hasil akhir kajian ini menghasilkan lima pola utama dalam amalan guru Bahasa Melayu, iaitu Kandungan Bahasa dalam Amalan Guru, Tatabahasa atau Struktur Bahasa dalam Amalan Guru, Kemanusiaan dan Bahasa dalam Amalan Guru, Integrasi Budaya dan Bahasa dalam Amalan Guru, dan Kaedah Berbahasa dalam Amalan Guru. Kelima-lima pola ini mencerminkan pendekatan yang menyeluruh dan inklusif dalam meningkatkan kemahiran membaca murid OA.

Jadual 4:

Dapatan pusingan kedua pakar Delphi

Pola: Kandungan bahasa dalam amalan guru

Bil	Senarai Item Dikemas kini	Median	Min	JAK	Tahap Konsensus
1	Mengajar murid berdasarkan objektif kurikulum dan standard kandungan kemahiran membaca (seperti memberitahu murid bahawa tujuan pelajaran untuk belajar bagaimana mengenal pasti idea utama teks).	5	4.8	0	Tinggi
2	Mengajar murid sebutan dan maksud perkataan atau frasa baharu melalui bahan bacaan dengan betul.	5	4.8	0	Tinggi
3	Menyampaikan kandungan (mesej) dalam bahan bacaan secara tersusun agar mudah difahami (seperti pengembangan isi kandungan bahan bacaan).	5	4.8	0	Tinggi
4	Berkomunikasi untuk kenal murid dan mengetahui kebolehan membaca mereka.	5	4.9	0	Tinggi

bersambung

5	Menilai kefahaman murid tentang bahan bacaan secara spontan (seperti meminta murid menyampaikan kefahaman dengan cara atau gaya bahasa mereka tersendiri).	5	5	0	Tinggi
6	Menggunakan pelbagai intervensi dan inovasi bahan bantu semasa pengajaran (seperti menggunakan teks bacaan suku kata berwarna).	5	4.8	0	Tinggi
7	Memberikan penjelasan terperinci tentang topik bacaan (seperti menjelaskan konteks atau latar belakang cerita untuk membantu murid memahaminya dengan lebih baik).	5	5	0	Tinggi
8	Membuat refleksi dan menyesuaikan tahap kesukaran bahan bacaan berdasarkan maklum balas murid.	5	4.9	0	Tinggi
9	Membangunkan kemahiran membaca murid melalui bahan bacaan ilmiah yang sesuai dengan tahap murid (seperti menggunakan artikel berkaitan sains dan teknologi sebagai bahan bacaan).	5	4.9	0	Tinggi
10	Mempelbagaikan bentuk soalan untuk memberi rangsangan kemahiran berfikir semasa pengajaran membaca (seperti <i>Socratic Question</i> - kenapa) agar murid sintesis maklumat dalam petikan.	5	4.8	0	Tinggi

Pola: Tatabahasa atau struktur bahasa dalam amalan guru

Bil	Senarai Item Dikemas kini	Median	Min	JAK	Tahap Konsensus
1	Menggunakan bahan bacaan yang mempunyai struktur bahasa yang betul (seperti menggunakan buku teks atau buku cerita yang mengikut peraturan tatabahasa standard).	5	5	0	Tinggi
2	Menguasai penggunaan ragam ayat (seperti FN+FK, FN+FSN,) dalam pengajaran.	5	4.8	0	Tinggi
3	Membimbing murid memberikan jawapan menggunakan tatabahasa yang betul semasa menguji kefahaman membaca agar maksud disampaikan tepat.	5	5	0	Tinggi
4	Gunakan susunan ayat yang mudah dan ringkas dalam komunikasi atau bahan bacaan agar mudah difahami murid (seperti menggunakan ayat tunggal bagi setiap mesej yang ingin disampaikan kepada murid di peringkat rendah).	5	5	0	Tinggi

bersambung

5	Mampu mengukur tahap penguasaan kemahiran membaca murid (seperti KV+KV, KV+KVK).	5	5	0	Tinggi
6	Menggunakan perkataan yang relevan dengan tahap perkembangan murid dalam arahan komunikasi atau bahan bacaan (seperti perkataan imaginasi untuk fiksyen; perkataan lalai berbanding sahi) agar murid memahami mesej disampaikan.	5	5	0	Tinggi
7	Menggunakan cara ejaan terkini dan betul dalam bahan bacaan murid (seperti singkatan yg (yang); ejaan jarak mengenal pasti (menenal pasti)).	5	5	0	Tinggi
8	Membina pengetahuan murid dengan pelbagaikan penggunaan kata dan ragam ayat dalam bahan bacaan.	5	4.9	0	Tinggi
9	Menyatakan bentuk kesalahan tatabahasa murid dan memperbetulkan kesalahan tersebut.	5	4.9	0	Tinggi
10	Membina kefahaman tatabahasa murid melalui latihan dan tugas yang berfokus kepada tatabahasa (seperti soalan topikal).	5	4.8	0	Tinggi

Pola: Kemanusiaan dan bahasa dalam amalan guru

Bil	Senarai Item Dikemas kini	Median	Min	JAK	Tahap Konsensus
1	Memberi bimbingan secara aktif kepada semua murid dalam aktiviti membaca dan perbincangan (seperti terlibat sama dalam aktiviti yang dijalankan).	5	5	0	Tinggi
2	Mempelbagaikan gaya pengajaran bagi memenuhi keperluan murid (seperti menggunakan gambar bagi kecenderungan murid visual).	5	5	0	Tinggi
3	Memberi dorongan untuk merangsang sifat berani dan yakin diri murid untuk membaca mekanis (seperti memberi pujian dan hadiah kepada murid yang sanggup membaca).	5	5	0	Tinggi
4	Menggunakan bahan pengajaran yang mempunyai nilai moral dan kemanusiaan (seperti menggunakan petikan teks berkaitan sikap menghormati guru).	5	4.9	0	Tinggi
5	Guru menjadi teladan dalam amalan berbahasa secara santun dan berkesan (seperti menerangkan maklumat dalam teks menggunakan intonasi secara lemah lembut, mesra dan difahami murid).	5	5	0	Tinggi

bersambung

6	Menyampaikan maklumat dalam teks bacaan secara bertanggungjawab dan jelas untuk mengelakkan konflik (seperti tidak menggunakan contoh perkataan jenaka dwi maksud, rasis atau lucu).	5	5	0	Tinggi
7	Membekalkan bahan pengajaran yang inklusif dengan mengambil kira latar murid dalam kelas (seperti menyediakan teks bersifat universal, contoh: sifat rajin atau bahaya dadah yang boleh diterima oleh semua murid).	5	5	0	Tinggi
8	Memastikan semua murid terlibat dengan layanan yang adil dan saksama (seperti mendapat denda atau hukuman/ pujian atau hadiah yang serupa dengan rakan sekelas apabila melakukan tingkah laku yang sama) agar tiada murid merasa terpinggir semasa aktiviti membaca.	5	5	0	Tinggi
9	Memberi perhatian terhadap interaksi murid dengan bahan bacaan dengan meminimumkan perbuatan lain (seperti menjawab panggilan, mengambil swafoto dsb).	5	5	0	Tinggi
10	Bina peraturan yang menyokong pengajaran membaca berasaskan budaya hormat dan karamah insaniah (seperti meminta murid fokus terhadap apa yang rakan mereka bacakan/ menghentikan ejekan murid jika rakan mereka membuat kesalahan/ merakam kesalahan murid sebagai jenaka).	5	4.9	0	Tinggi

Pola: Integrasi budaya dan bahasa dalam amalan guru

Bil	Senarai Item Dikemas kini	Median	Min	JAK	Tahap Konsensus
1	Gunakan bahan bacaan yang boleh membina pengetahuan baharu dan menghubungkan pengetahuan sedia ada murid (seperti fakta-fakta sains, haiwan atau tumbuhan) yang sinonim dengan murid OA.	5	4.9	0	Tinggi
2	Gunakan bahan bantu pengajaran membaca daripada pelbagai budaya (OA dan bukan OA) untuk membina nilai murid (seperti Si Tanggang- Melayu; Bah Luj- Mah Meri).	5	5	0	Tinggi
3	Tahu, faham dan kenal budaya murid untuk mengelakkan sensitiviti atau konflik dalam pengajaran (seperti sedar	5	4.9	0	Tinggi

bersambung

	tentang penggunaan perkataan sensitif “jakun”, “sakai” atau “keling”).				
4	Libatkan penggunaan bahan berorientasikan identiti atau watak (seperti menggunakan nama OA bagi watak teks; kisah yang menunjukkan rutin OA) bagi memperkuat penerimaan sendiri murid sebagai ahli masyarakat.	5	5	0	Tinggi
5	Menggunakan bahan bacaan bersifat kebangsaan (nasional) bagi mengukuhkan identiti nasional murid (seperti makna jalur gemilang, erti rukun negara dll).	5	5	0	Tinggi
6	Menggunakan bahan bacaan yang menggambarkan integrasi pelbagai budaya (seperti sambutan Hari Raya yang diraikan oleh pelbagai kaum).	5	5	0	Tinggi
7	Tahu, kenal dan memanfaatkan kecenderungan murid OA dalam kaedah pengajaran (seperti kaedah berpusatkan guru dan kaedah didik hibur).	5	5	0	Tinggi
8	Menggunakan contoh yang relevan dengan budaya murid sebagai rujukan dalam memberi penerangan berkaitan teks yang pelbagai (seperti nilai menghormati orang- masyarakat Semai menggunakan perkataan “enjen” untuk orang lebih tua; “mak cik” bagi masyarakat Melayu).	5	5	0	Tinggi
9	Tahu, kenal dan cakna tingkah laku yang sinonim dengan murid OA (seperti malu, diam) semasa melaksanakan aktiviti membaca.	5	5	0	Tinggi
10	Menggunakan bahan maujud di sekeliling murid merangsang keupayaan murid untuk menjelaskan sesuatu konsep yang abstrak (seperti keras- kayu).	5	4.9	0	Tinggi

Pola: Kaedah berbahasa dalam amalan guru

Bil	Senarai Item Dikemas kini	Median	Min	JAK	Tahap Konsensus
1	Menggunakan gaya bahasa yang sesuai berdasarkan situasi murid (seperti gaya bahasa formal dalam pengajaran dan gaya bahasa bukan formal dalam perbualan).	5	4.8	0	Tinggi
2	Mengaplikasikan bahasa bukan verbal (seperti mimik muka atau gerakan tubuh) bagi meningkatkan keberkesanan bahasa (seperti mengerutkan dahi bagi menunjukkan maksud keliru).	5	5	0	Tinggi

bersambung

3	Menyediakan rangsangan dan sokongan (<i>scaffolding</i>) komunikasi kepada murid dalam aktiviti membaca (seperti menyebut suku kata rangsangan “ma” bagi memberi idea perkataan “makan”).	5	5	0	Tinggi
4	Mendengar dengan penuh perhatian untuk menilai tahap kebolehan membaca murid bagi merangka strategi pengajaran yang sesuai.	5	5	0	Tinggi
5	Segera memberikan maklum balas terhadap aktiviti membaca murid (seperti menyatakan kesalahan sebutan perkataan).	5	5	0	Tinggi
6	Gunakan suara yang lancar dan jelas semasa menyebut sesuatu perkataan.	5	5	0	Tinggi
7	Gunakan alat bantu dalam pengajaran (seperti aplikasi interaktif, teknologi, ilustrasi dsb).	5	5	0	Tinggi
8	Memotivasikan murid dalam pembelajaran membaca dengan lisan (seperti memberi tahu murid kepentingan membaca) dan bahan pengajaran membaca (seperti kisah dongeng bagi murid sekolah rendah) yang sesuai.	5	4.9	0	Tinggi
9	Memilih frasa yang lebih santun dalam memberikan komentar (Eufemisme) (seperti “tidak tahu” berbanding “bodoh” atau “jahil”) terhadap tingkah laku murid.	5	5	0	Tinggi
10	Gunakan humor dalam pengajaran untuk membuat suasana kelas menjadi lebih santai dan menyenangkan.	5	5	0	Tinggi

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangunkan pola amalan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran membaca murid OA. Tinjauan menunjukkan bahawa faktor guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran membaca murid OA. Lima pola amalan guru yang relevan dengan konteks pendidikan murid OA berjaya dibangunkan. Pola-pola ini terdiri daripada tiga pola suntingan dan dua pola baharu. Maklum balas daripada pakar yang terlibat menunjukkan keberkesanan teknik Delphi dalam memperjelaskan isu yang kompleks. Teknik Delphi berkesan dalam mengurangkan bias individu, pengaruh sosial dan menghasilkan dapatan yang signifikan. Selain itu, sifat fleksibel Teknik Delphi dapat mengenal pasti keperluan, meramalkan trend dan memperkukuh kerangka konseptual sesuatu kajian.

Kelima-lima pola dalam amalan guru menekankan aspek penting dalam pengajaran bahasa kepada murid OA. Pola 1 memberi tumpuan kepada penggunaan tatabahasa yang tepat bagi membina asas pembelajaran bahasa, sejajar dengan prinsip berbahasa mengikut nahu. Pola 2 menekankan kandungan bahasa yang relevan dan bermakna untuk memperkukuh pemahaman dan memperluas pengetahuan murid. Pola 3 menekankan aspek kemanusiaan

dalam bahasa, memastikan komunikasi yang beretika dan menghormati norma sosial. Pola 4 menekankan integrasi budaya dalam pengajaran memastikan murid OA belajar dalam konteks yang sesuai dengan latar belakang mereka. Pola 5 pula memberi tumpuan kepada kaedah berbahasa yang kreatif melalui pedagogi terbeza bagi meningkatkan keterlibatan murid dalam pembelajaran. Semua pola ini saling melengkapi dalam membentuk strategi pengajaran bahasa yang lebih inklusif dan berkesan.

Kajian ini secara teori menyokong pemahaman bahawa pendidikan bahasa tidak hanya bergantung kepada aspek linguistik semata-mata. Pendidikan bahasa juga perlu mengambil kira faktor budaya dan sosial murid. Integrasi budaya dalam pendidikan bahasa telah terbukti mampu meningkatkan tahap pemahaman dan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran. Selain itu, kajian ini turut memperkukuh teori yang menekankan kepentingan penggunaan tatabahasa dalam pemerolehan kemahiran literasi, selaras dengan pandangan ahli bahasa seperti Chomsky (2006), Sapir (1961) dan Whorf (1956). Bahasa memainkan peranan dalam pembentukan pemikiran serta pemahaman individu terhadap sesuatu konsep, pemikiran dan persepsi (Sapir, 1961; Whorf, 1956).

Tatabahasa adalah struktur asas yang membezakan bunyi dan bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2012). Bahasa perlu wujud bersama prinsip-prinsip kesempurnaan agar bahasa yang digunakan boleh difahami dan diterima. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), setiap bahasa membawa makna unik yang dipengaruhi oleh budaya dan tradisi masyarakat yang menggunakannya. Setiap kata membawa makna dan pengertian yang berbeza mengikut semantik. Setiap kata hadir bersama medan makna atau medan semantik yang terbina berdasarkan lingkungan konsep dan mengandungi sekumpulan leksikal yang saling berjalanan makna (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972). Struktur konsep yang bertindih ini berupaya memberikan pemaknaan yang jelas. Oleh itu, penggunaan perkataan yang betul dan tepat dalam berkomunikasi adalah penting. Perkataan yang betul menampakkan objek yang ingin diperkatakan secara jelas dan cara penggunaan perkataan tersebut menyampaikan maksud sebenar atau konteks yang dimaksudkan.

Leksikal merujuk kepada makna dan penggunaan kata-kata dalam bahasa. Istilah ini berkaitan dengan leksikon atau kosa kata dalam sesuatu bahasa. Maksud leksikal secara tepat merujuk kepada makna perkataan itu sendiri tanpa mengambil kira konteks penggunaannya. Memahami maksud leksikal penting kerana membantu dalam memahami bagaimana kata-kata didefinisikan dan digunakan dalam bahasa. Hal ini juga relevan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana pemahaman terhadap makna leksikal membantu penutur atau murid untuk menggunakan kata-kata dengan tepat dalam komunikasi. Namun, makna leksikal tidak boleh difahami secara literal tanpa melihat konteks, pandangan atau perspektif (*worldview*) yang ingin disampaikan (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2003).

Oleh itu, pelbagai pola amalan perlu dikuasai oleh guru dalam memahami bagaimana bahasa dipengaruhi oleh pandangan atau perspektif murid. Pola tatabahasa, kandungan bahasa, kemanusiaan, budaya, dan kaedah pengajaran merupakan pola-pola yang wujud dalam pengajaran bahasa. Pola-pola ini membina perspektif murid terhadap bahasa, sekali gus guru dapat merangka kaedah pedagogi yang berkesan.

Beberapa persoalan lanjut perlu diteroka untuk memahami lebih mendalam kesan dan keberkesanan pendekatan yang dicadangkan. Antaranya, adalah (1) bagaimana integrasi budaya dalam kurikulum bahasa dapat mempengaruhi tahap pemahaman, dan (2) apakah strategi terbaik dalam membina motivasi pembelajaran bagi murid yang menghadapi kesukaran

dalam literasi awal. Selain itu, kajian lanjutan boleh meneroka bagaimana pendekatan antara disiplin yang menggabungkan elemen bahasa, budaya dan kemanusiaan dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran murid OA.

Implikasi kajian ini adalah pola amalan yang dibangunkan boleh dijadikan rujukan dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam konteks kemahiran membaca murid OA. Kajian ini turut menyumbang kepada pembangunan instrumen yang dapat digunakan sebagai bahan rujukan oleh guru dan pembuat dasar pendidikan bagi merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan. Dapatan kajian ini membantu dalam memperkasakan kaedah pengajaran yang lebih sistematik dan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan bagi murid OA dalam kemahiran membaca.

KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa kepada murid OA perlu dirancang secara holistik dengan mengambil kira aspek tatabahasa, kandungan bahasa, kemanusiaan, budaya, dan kaedah pengajaran. Penemuan ini bukan sahaja menyumbang kepada bidang linguistik dan pedagogi tetapi juga memberi panduan kepada pendidik dan pembuat dasar dalam merangka strategi yang lebih berkesan dan inklusif. Kajian ini menyokong usaha pengiktirafan identiti budaya dalam pendidikan bahasa dan usaha pemerikasaan masyarakat OA melalui pendidikan yang lebih responsif dan berkesan.

RUJUKAN

- Aini Salwati Mohd Yusof, & Shahlan Surat. (2021). Amalan penggunaan media digital dalam kalangan guru-guru sekolah Orang Asli. *Journal of Education and Human Development*, 10(1), 197-208. <https://doi.org/10.15640/jehd.v10n1a16>
- Awang Sariyan. (2021). Bahasa jiwa bangsa. Webinar Kemerdekaan (Bil.1).
- Babbie, E. (2016). *The practice of social research*. Wadsworth Cengage Learning.
- Badli Esham Ahmad, Siti Mariam Mohd Sharif, & Ahmad Shafini Abu Bakar. (2022). The perceptions of local communities on human-elephant conflict in Malaysia: A fuzzy Delphi approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9), 868-877.
- Boonon, K. (1979). *The future of teacher education in Thailand: A Delphi application*. Disertasi Doktor Falsafah, University of Alabama.
- Hamidah Yusof, & Norasibah Abdul Jalil. (2021). The motivation stimulating factors and the Orang Asli students' motivation: Is there a relationship? *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(8), 205-210.
- Hsu, C. C., & Sandford, B. A. (2007). The Delphi technique: Making sense of consensus. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 12(10). <http://pareonline.net/getv.asp?v=12&n=10>
- Intan Waheedah Othman. (2022). Educating Orang Asli students: The challenges towards achieving the Malaysian sustainable education agenda. *Jurnal Intelek*, 17(1), 1-8. <https://doi.org/10.24191/ji.v17i1.15845>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Annual report 2018: Malaysia education development plan 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-96.
- Layang Ugek, & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 8(2), 25-38.
- MAMPU. (2020). *Keciciran Transisi Bagi Pelajar Orang Asli Darjah 6 dan Tingkatan 1* - Data.gov.my. https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/keciciran-transisi-bagi-pelajar-orang-asli-darjah-6-dan-tingkatan-1
- Manizade, A. G., & Mason, M. M. (2010). Using Delphi methodology to design assessments of teachers' pedagogical content knowledge. *Educational Studies of Mathematics*, 76, 183-207.

- Misnaton Rabahi, Hamidah Yusof, Marinah Awang, Arif Jawaidd (2020). Strategic considerations for kindergartens in leading learning of Orang Asli students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(7), 559–570. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i7/7458>
- Mohamad Safwat Ashahri Mohd Salim, Airil Haimi Mohd Adnan, Dianna Suzieanna Mohamad Shah, Mohd Haniff Mohd Tahir, & Ahmad Muhyiddin Yusof. (2020). The Orang Asli in Malaysian formal education: Orang Asli teachers' sentiments and observations. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 8(8), 95–108. <http://journal.ump.edu.my/>
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2017). Pembinaan model falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. *Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Mohd Mahzan Awang, Nik Ahmad Hisham Ismail, Wan Shahrzad Wan Sulaiman, & Siti Rabaah Hamzah. (2022). Socio-ecological support and physical facilities satisfaction: How they link to social participation and well-being among urban residents in Malaysia. *Sustainability*, 14(1), 1-18.
- Mohd Nazri Abdul Rahman. (2018). Pembangunan model homeschooling berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli. *Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaya*. <https://doi.org/10.16511/j.cnki.qhdxxb.2018.26.027>
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori falsafah bahasa (Teori Rashid)*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Mohd Syaubari Othman, & Nurulrabihah Mat Noh. (2021). *Jurnal IPDA, Bil. 28, 2021*.
- Nor Aimi Harun, Fauziah Md. Jaafar. (2018). Stres dan simptom Onychophagia dalam kalangan kanak-kanak prasekolah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak* Jilid 7, 50-58. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Noor Hanim Harun, Mohd Nazri Abdul Rahman, Mohammad Asyraf Mansor, & Nor Asiah Muhamad. (2020). Pengurusan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kreativiti Orang Asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 2289–9669.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, Shahlan Surat, & Jamaludin Badusah. (2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *Jurnal Melayu Sedunia*, 121–133.
- Norizan, Mamat., Aizuddin, Md, Rami., & Ramle, Abdullah. (2018). The educational drop out of Orang Asli in Terengganu. *Herald of the National Academy of Managerial Staff of Culture and Arts*, 92-98.
- Norliza Ahmad & Zaharah Osman. (2025). Kepentingan pengetahuan guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(1), 1–12. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.1.2025>
- Norwaliza Abdul Wahab, & Nordina Alia Nordin. (2021). Kertas konsep pembangunan modul sekolah rimba berasaskan pengetahuan peribumi bagi mengekalkan kelestarian masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*. <https://doi.org/10.53797/aspen.v1i1.2.2021>
- Norwaliza Abdul Wahab, Ridzuan Jaafar, Ramlee Mustapha, Arasimah Kamis, & Haryanti Mohd Affandi. (2017). The effectiveness of likes method in improving reading skills of Orang Asli students. *Asian Social Science* 13(6), 74–80. <https://doi.org/10.5539/ass.v13n6p74>
- Nur Bakri Abd Hamid, & Naufal Ahmad Rijalul Alam. (2022). The Educational Orientation of Malaysia: The P.I.E.S Element of a Balanced Person in The National Education Philosophy (NEP). Idarah. *Jurnal Pendidikan dan Kependidikan*, 6(2), 143-156.
- Nurul Islam Mohd Isa, & Zulkefli Aini. (2018). Bentuk-bentuk program pembangunan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap Orang Asli di Malaysia. *Fikiran Masyarakat* 6(1), 10–16.
- Ong, E., Mohd Hairry Ibrahim, Norwaliza Abd Wahab, Sabri Mohd Salleh, Charanjit Kaur Swaran Singh, & Mohamad Termizi Borhan. (2018). Contributing factors for academic success in this globalised era: Voices from the successful Orang Asli in Malaysia. *The Journal of Social Sciences Research*, 4, 625–632.
- Rohaida Nordin, Muhamad Hassan@Yahya Sayuti, Vatchira Wong R. F., Melissa Cherley, & Bala Subramaniam. (2020). Indigenous education for the Orang Asli: Legal perspectives and best practices. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 365–383. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol5iss2pp365-383>
- Ruslan Abdullah. (2018). Penilaian pelaksanaan program Linus dalam kalangan murid Orang Asli di Perak . *Disertasi Doktor Falsafah* <https://www.ptonline.com/articles/how-to-get-better-mfi-results>
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy De Witt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Pearson Malaysia.
- Skulmoski, G. J., Hartman, F. T., & Krahn, J. (2007). The Delphi method for graduate research. *Journal of Information Technology Education*, 6, 31–52.
- Stylianides, M., & Pashiardis, P. (2007). The future of our schools: An example of the Delphi technique in action and the case of Cyprus. *International Journal of Educational Management*, 21(5), 384–406.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2003). *Konsep pendidikan dalam Islam* (H. Bagir, Trans.). Mizan Press.

- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1972). Konsep Baru mengenai Rencana serta Chara-gaya Penelitian Ilmiah Pengkajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Dlm. *Buku Panduan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*.
- Wallengren, J. (2011). Identification of core competencies for primary care of allergy patients using a modified Delphi technique. *BMC Medical Education*, 11, 12. <http://www.biomedcentral.com/1472-6920/11/12>
- Yuldashbayevna, N. (2020). The role of teachers' cultural awareness in preparing to work with multicultural students. *The American Journal of Social Science and Education Innovations*.
- Zaharah Osman, Anis Norma Mohamad Jaafar, Romarzila Omar. (2022). Interaksi guru dengan kanak-kanak melalui pembelajaran berasaskan Inkuiri. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 58-66. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.6.2022>
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Penerbit Awal Hijrah.